



KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

GARIS PANDUAN PERMOHONAN TAMBAH BIDANG LESEN PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN LUAR NEGERI BAGI UMRAH ATAU ZIARAH

1. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- 1.1 Syarikat yang ingin memohon tambah bidang lesen Perniagaan Pengendalian Pelancongan Luar Negeri Bagi Umrah Atau Ziarah diwajibkan mempunyai ketiga-tiga bidang berikut:
 - (a) Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri;
 - (b) Perniagaan Pengendalian Pelancongan Luar Negeri Selain Umrah Atau Ziarah; dan
 - (c) Perniagaan Agensi Pengembaraan.
- 1.2 Lesen Ibu Pejabat masih sah sekurang- kurangnya enam puluh (60) hari dari tarikh permohonan.
- 1.3 Syarikat tidak membuat sebarang perubahan struktur syarikat seperti perubahan Ahli Lembaga Pengarah/ Pemegang Saham/ Nama Syarikat/ Lokasi/ Modal Berbayar **TANPA** kelulusan Pesuruhjaya Pelancongan.
- 1.4 Syarikat tidak berada dalam tempoh penggantungan di bawah Seksyen 8 Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482], tiada pendakwaan sedang berjalan terhadap syarikat, tiada sebarang kompaun yang tertunggak di bawah Akta 482 atau Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 [Akta 594] (Sabah, Sarawak dan WP Labuan), tiada tunggakan pembayaran "*award*" Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) dan tiada perintah mahkamah yang masih belum dipatuhi syarikat berhubung kes sivil yang berkaitan dengan transaksi pelancongan.
- 1.5 Ahli Lembaga Pengarah **dan** Pemegang Saham syarikat hendaklah terdiri daripada **WARGANEGARA MALAYSIA dan beragama ISLAM.**
- 1.6 Pegangan ekuiti syarikat **HENDAKLAH 100%** dimiliki oleh warganegara Malaysia yang beragama Islam SAHAJA. (Sekiranya terdapat pegangan

saham dimiliki oleh entiti berstatus Sendirian Berhad/ Berhad dsb, maka semua pemilik saham sehingga pegangan yang terakhir perlu mengemukakan sesalinan e-Info SSM, kad pengenalan dan carian status kebangkrupan/ penggulangan).

- 1.7 Ahli Lembaga Pengarah atau Pemegang Saham **hendaklah** menghadiri Kursus Pemantapan Pengendalian Umrah (KPPU) yang dianjurkan oleh mana-mana Institut Latihan Pelancongan (ILP) yang berdaftar dengan MOTAC sebelum mengemukakan permohonan.
- 1.8 Sekiranya Ahli Lembaga Pengarah atau Pemegang Saham merupakan kakitangan kerajaan/ badan berkanun yang sedang berkhidmat, beliau hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran dari Ketua Jabatan.
- 1.9 Syarikat, semua Ahli Lembaga Pengarah dan semua Pemegang Saham syarikat hendaklah bebas dari status bankrap dan digulung oleh Jabatan Insolvensi Malaysia.
- 1.10 Syarikat hendaklah memastikan tiap-tiap jemaah dilindungi oleh polisi takaful secara **INDIVIDU DAN BUKAN BERKELOMPOK** yang merangkumi semua aspek perlindungan di bawah:
 - (a) Kemalangan diri ke atas jemaah;
 - (b) Kos rawatan perubatan sepanjang perjalanan;
 - (c) Penghantaran balik jemaah disebabkan kesihatan; dan
 - (d) Pengurusan jenazah.
- 1.11 Menyediakan dokumen-dokumen lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Pesuruhjaya Pelancongan bagi tujuan memproses permohonan.

2. DOKUMEN YANG DIPERLUKAN:

2.1 Maklumat perbankan:

- (a) Muka hadapan penyata akaun semua bank atas nama syarikat yang memohon; dan
- (b) *Director Resolution* yang menunjukkan nama bagi individu diberi kuasa menguruskan akaun bank syarikat.
- (c) Surat lantikan/ hubungan kerja jika individu yang diberi kuasa bukan salah seorang ahli lembaga pengarah atau pemegang saham.

- 2.2 Salinan Kad Pengenalan (MyKad) di bahagian hadapan dan belakang hendaklah berwarna bagi semua pemegang saham dan Ahli Lembaga Pengarah.
- 2.3 Salinan sijil Kursus Pemantapan Pengendalian Umrah (KPPU) yang masih sah semasa permohonan.
- 2.4 Salinan sijil keahlian Persatuan Pengendali Umrah yang diktiraf oleh Pesuruhjaya Pelancongan semasa permohonan dibuat seperti di **Lampiran A**.
- 2.5 Sesalinan carian status kebangkrapan Jabatan Insolvency Malaysia yang terkini (sekurang-kurangnya 30 hari dari tarikh permohonan) bagi semua Ahli Lembaga Pengarah dan Pemegang Saham.
- 2.6 Sesalinan carian status penggulangan syarikat Jabatan Insolvency Malaysia yang terkini (sekurang-kurangnya 30 hari dari tarikh permohonan) bagi syarikat.
- 2.7 Surat Aku Janji Pengarah Syarikat (Borang BA/2) **Lampiran B**.
- 2.8 Salinan surat kebenaran Ketua Jabatan untuk kakitangan kerajaan/ badan berkanun (sekiranya berkaitan).

3. TATACARA PERMOHONAN:

- 3.1 Melengkapkan maklumat permohonan dalam **Tourism Licensing & Enforcement System (TOURLIST)** melalui laman sesawang www.tourlist.gov.my.
- 3.2 Semua dokumen seperti yang dinyatakan di perenggan 2 hendaklah dimuat naik ke dalam **TOURLIST**.

4. FI PEMROSESAN: Pembayaran secara atas talian sebanyak **RM100.00** bagi setiap permohonan di www.tourlist.gov.my

5. KEPUTUSAN PERMOHONAN: Keputusan permohonan akan dimaklumkan melalui **TOURLIST**.

5.1 Bagi permohonan yang DILULUSKAN:

Syarikat hendaklah:

- (a) Menjelaskan fi lesen bagi Ibu Pejabat dan setiap Pejabat Cawangan seperti jumlah yang tertera dalam surat yang dikeluarkan oleh Pejabat MOTAC Negeri kepada syarikat (Jika ada);
- (b) Kelulusan tempoh sah lesen tambah bidang adalah mengikut lesen induk syarikat;
- (c) Syarikat perlu menyelesaikan urusan bayaran fi lesen dan cetakan lesen dalam tempoh 30 hari dari tarikh surat pemakluman kelulusan; dan
- (d) Sekiranya syarikat gagal menyelesaikan urusan tersebut dalam tempoh yang ditetapkan, kelulusan adalah terbatal dan permohonan baharu hendaklah dibuat.

5.2 Bagi permohonan yang TIDAK DILULUSKAN:

Syarikat berhak mengemukakan rayuan secara atas talian melalui www.tourlist.gov.my dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat pemakluman keputusan lesen dikeluarkan dengan mengemukakan dokumen sokongan yang berkaitan. Rayuan hanya boleh dibuat sekali sahaja kerana keputusan rayuan adalah muktamad dan konklusif.

6. PIAGAM PELANGGAN:

6.1 Pemakluman keputusan permohonan dengan bersyarat:

5 hari bekerja dari tarikh dokumen Jawatankuasa Permohonan dan Rayuan Lesen diperakukan.

6.2 Cetakan lesen:

Cetakan lesen boleh dilakukan secara atas talian melalui **TOURLIST** setelah pembayaran fi lesen dilakukan.

7. PERINGATAN:

- 7.1 Pesuruhjaya boleh membatalkan sesuatu lesen/ mengambil tindakan di bawah Akta 482 jika dia berpuas hati bahawa pengusahaan pelancongan berlesen itu telah, sama ada berkaitan dengan permohonan untuk lesen itu atau pada bila-bila masa selepas pemberian lesen, sama ada secara lisan atau bertulis memberi kepada Pesuruhjaya maklumat, dokumen atau perisytiharan yang palsu, mengelirukan atau tidak tepat yang dibuat oleh atau bagi pihak pengusahaan pelancongan itu atau oleh atau bagi pihak

mana–mana orang yang adalah atau yang akan menjadi pengarah, pengawal atau pengurus pengusahaan berlesen itu.

8. FI LESEN:

BIL.	BIDANG	FI LESEN	FI LESEN TAMBAHAN
1.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri selain Program <i>Malaysia My Second Home (MM2H)</i>	RM250.00 setahun	RM150.00 setahun
2.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Luar Negeri Selain Umrah atau Ziarah	RM500.00 setahun	RM350.00 setahun
3.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Luar Negeri Bagi Umrah Atau Ziarah	RM500.00 setahun	RM350.00 setahun
4.	Perniagaan Pengembaraan Agensi	RM200.00 setahun	RM100.00 setahun

* Rujuk maklumat fi lesen sedia ada di dalam Akta 482.

9. TARIKH KUAT KUASA :

Garis Panduan ini adalah berkuat kuasa mulai **1 JANUARI 2026**.

LAMPIRAN A

SENARAI PERSATUAN AGENSI PENGENDALIAN PELANCONGAN DAN AGENSI PENGEMBARAAN BAGI UMRAH ATAU ZIARAH YANG DIIKTIRAF OLEH KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

1. Persatuan Ejen-Ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia
(MATTA – Malaysia Association of Tour & Travel Agent)
2. Persatuan Agensi Pelancongan dan Pengembaraan Bumiputera
(BUMITRA – Bumiputera Travel And Tour Agents Association of Malaysia)
3. Persatuan Agensi Pelancongan Umrah Dan Haji (PAPUH)

LAMPIRAN B
Borang BA/2

SURAT AKU JANJI OLEH PENGARAH SYARIKAT

Saya
No. Kad Pengenalan Jawatan
bagi pihak syarikat
dengan sesungguhnya mengaku dan berjanji bahawa syarikat ini:-

- (a) adalah berstatus *existing* di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
- (b) tidak berada dalam proses perubahan Ahli Lembaga Pengarah/ Pemegang Saham/ Nama Syarikat/ Lokasi/ Modal Bebayar TANPA kelulusan Pesuruhjaya Pelancongan;
- (c) tiada sebarang kompaun yang tertunggak di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482] atau Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 [Akta 594] (Sabah, Sarawak dan WP Labuan);
- (d) tidak berada dalam tempoh penggantungan atau syarikat yang disenarai hitam oleh MOTAC semasa permohonan dibuat;
- (e) tiada sebarang tunggakan "*award*" di Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) berhubung pelancongan;
- (f) Tidak berada dalam siasatan atau pendakwaan oleh Polis DiRaja Malaysia berhubung kes-kes pelancongan;
- (g) akan memastikan bahawa semua akaun milik syarikat hanya akan diuruskan oleh Ahli Lembaga/ Pemegang Saham/ Pengurus syarikat yang dilantik sahaja; dan
- (h) akan mematuhi keperluan dan kehendak yang ditetapkan mana-mana pihak berkuasa Kerajaan Arab Saudi (jika berkaitan).

Sesungguhnya bahawa sekiranya pengisytiharan ini didapati palsu, tidak betul, tidak tepat atau mengelirukan dalam apa-apa butir, pihak Kementerian berhak untuk mengambil tindakan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482] atau apa-apa tindakan perundangan yang berkaitan.

Ditandatangani untuk dan bagi pihak syarikat:

Nama :
Jawatan :
Cop Syarikat :

Tarikh :

Saksi
Ditandatangani oleh Setiausaha Syarikat:

Nama :
Jawatan :
Cop Syarikat :

Tarikh :

LAMPIRAN C

SENARAI SEMAK PERMOHONAN TAMBAH BIDANG LESEN PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN KE LUAR NEGERI BAGI UMRAH ATAU ZIARAH

BIL.	PERKARA	(√)
1.	Maklumat perbankan: (a) Muka hadapan penyata akaun semua bank atas nama syarikat yang memohon; dan (b) <i>Director Resolution</i> yang menunjukkan nama bagi individu diberi kuasa menguruskan akaun bank syarikat	
2.	Salinan berwarna MyKad (Warganegara Malaysia) bagi semua pemegang saham dan Ahli Lembaga Pengarah	
3.	Salinan sijil Kursus Pemantapan Pengendalian Umrah (KPPU) masih sah semasa permohonan.	
4.	Salinan sijil keahlian Persatuan Pengendali Umrah yang diktiraf oleh Pesuruhjaya Pelancongan semasa permohonan dibuat seperti di Lampiran A .	
5.	Sesalanan carian status kebangkrapan Jabatan Insolvency Malaysia yang terkini (sekurang-kurangnya 30 hari dari tarikh permohonan) bagi semua Ahli Lembaga Pengarah dan Pemegang Saham	
6.	Sesalanan carian status penggulungan syarikat Jabatan Insolvency Malaysia yang terkini (sekurang-kurangnya 30 hari dari tarikh permohonan) bagi syarikat.	
7.	Aku Janji oleh Pengarah Syarikat (Borang BA/2)	
8.	Sesalanan surat kebenaran Ketua Jabatan untuk kakitangan kerajaan/ badan berkanun (sekiranya berkaitan)	

* Untuk rujukan pemohon sahaja.